

18 MAR 1996  
Mahathir-JMF  
ANGGOTA POLIS DAN TENTERA UNTUK JMF

KULIM, 18 Mac (Bernama) -- Anggota polis dan tentera akan dibekalkan kepada pasukan Timbalan Setia Negeri Johor (JMF) sekiranya ia tidak dapat mengisi kekosongan jawatan yang ada, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata anggota polis atau tentera yang dibekalkan itu akan menjalankan tugas yang sama seperti yang dilakukan oleh anggota JMF yang ada sekarang.

Katanya kerajaan telah membuat keputusan berhubung peranan JMF dan sekiranya pasukan itu boleh menyelesaikan soal susunan dan pentadbirannya, kerajaan membenarkan ia mengisi kekosongan yang ada akibat persaraan anggotanya.

"Jika jawatan itu tidak dapat diisi, kita terpaksa membekalkan polis dan tentera untuk menjalankan tugas yang sama," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Taman Perindustrian Berteknologi Tinggi Kulim.

JMF yang menjalankan tugas mengawal keselamatan istana dan Sultan Johor, adalah satu-satunya pasukan tentera yang dikendalikan oleh sesebuah kerajaan negeri.

Dr Mahathir berkata pengambilan yang dibenarkan bagi mengisi kekosongan itu bukan pengambilan baru dalam erti kata yang sebenar.

"Sebenarnya ini bukan soal JMF mengambil anggota baru. Memandangkan peranan JMF masih ada, soal susunannya masih menjadi masalah," katanya.

Baru-baru ini, Menteri Pertahanan Datuk Syed Hamid Albar berkata kerajaan Johor dibenarkan mengambil anggota baru bagi mengisi kekosongan jawatan dalam JMF dan ia mesti mengikut peraturan.

Katanya kerajaan Johor boleh meneruskan penugasan anggota terbabit dalam mengawal keselamatan istana dan Sultan Johor.

Sebelum ini Menteri Besar, Abdul Ghani Othman menafikan pengambilan baru anggota pasukan itu bertujuan menambah keanggotaan pasukan itu dan berkata langkah itu dibuat bagi mengisi kekosongan jawatan disebabkan persaraan anggota yang sedia ada.

Dr Mahathir berkata sebenarnya JMF tidak dilatih untuk menjalankan tugas-tugas khusus kerana jika kerajaan mengambil orang yang terlatih dalam semua bidang semata-mata untuk menjalankan tugas pengawal, negara akan rugi.

Berhubung keputusan kerajaan sebelum ini untuk menyerapkan JMF dalam pentadbiran tentera, beliau berkata sekiranya itu berlaku kerajaan perlu memberi layanan yang diperolehi dalam tentera kepada JMF.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata JMF masih terletak di bawah pentadbiran tentera tetapi anggota-anggotanya tidak mendapat layanan yang sama dan mereka tidak dianggap setaraf dengan tentera.

Kepada soalan soal sama ada perkembangan ini menunjukkan kerajaan telah berlembut dengan institusi Raja-raja, Dr Mahathir berkata : "Kadang-kadang kita berkeras, kadang-kadang kita berlembut...kalau terlalu keras tak bagus juga".

"Kerajaan tidak boleh mencari perbalahan berterusan dengan institusi berkenaan dan jika mereka baik (terhadap kita), kerajaan juga perlu berbaik-baik dengan mereka," katanya.-- BERNAMA

RA NH ZU MAI